

KD Lekir aset TLDM pertama tembak misil di luar perairan negara

Peluru berpandu antikapal EXOCET MM40 tepat ke sasaran di Hawaii ketika latihan

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kapal Diraja (KD) Lekir berjaya melancarkan misil EXOCET MM40 tepat ke sasaran di perairan Hawaii, Amerika Syarikat (AS) dalam siri latihan *Sinking Exercise* (SINKEX) fasa di laut *Eksesais Rim of the Pacific* (RIMPAC) 2022, Selasa lalu.

Kapal jenis korvet milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang menyertai ekksesais maritim antarabangsa terbesar itu mencipta sejarah kerana ini kali pertama aset TLDM membuat penembakan misil di luar perairan Malaysia.

lebih 170 pesawat milik 26 negara.


Ini kali kedua TLDM menyertai RIMPAC selepas *KD Lekir* mengambil bahagian pada 2018. Ekksesais maritim antarabangsa terbesar dunia ini menyediakan peluang latihan bersama pelbagai negara di samping mengukuhkan jalinan kerjasama di antara peserta.

Penembakan oleh *KD Lekir* pada Selasa lalu disaksikan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany dan Timbalan Panglima Armada Barat, Laksamana Pertama Farizal Myeor di K Mark Takai Pacific Warfighting Center di Ford Island, Hawaii.

Platform terbaik

“RIMPAC menyediakan platform terbaik untuk meningkatkan *interoperability* di antara angkatan laut yang mengambil bahagian. Penyertaan ini satu pengalaman yang menambah nilai profesionalisme kru *KD Lekir*,” kata Mohd Reza.

Ex-USS Rodney M Davis adalah kapal pertama dinamakan sempena anggota tentera berpangkat



Kesan tembakan tepat misil EXOCET MM40 dari *KD Lekir* yang mengenai kapal *Ex-USS Rodney M Davis* di perairan Hawaii ketika *Sinking Exercise* 12 Julai lalu.

(Foto TLDM)



KD Lekir

Spesifikasi

- Jenis Korvet FS 1500
- Kelas Kasturi (Skudron Korvet ke-22)
- Dibina di Limbungan Howaldtswerke-Deutsche Werft (HDW), Jerman

Cawangan Komunikasi Strategik Markas Tentera Laut dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan untuk latihan SINKEX ini, sasaran yang digunakan adalah *Ex-USS Rodney M Davis*, sebuah kapal perang hazard Perry berpandu kelas Oliver Hazard Perry (OHP).

Mengikut laporan laman web defencesecurityasia.com, misil EXOCET MM40 adalah peluru berpandu antikapal yang memiliki jarak operasi efektif sejauh 70 kilometer.

RIMPAC 2022 bermula 29 Jun lalu hingga 4 Ogos depan dilaksanakan di sekitar kepulauan Hawaii dan selatan California. Ia adalah eksekais ke-28 dalam siri yang bermula pada 1971.

Selepas dua minggu di pelabuhan, peserta RIMPAC keluar untuk latihan di laut selama 22 hari mulai 11 Julai yang melibatkan 38 kapal, empat kapal selam dan

pena anggota tentera berpangkat sarjan dalam Kor Marin AS yang menerima pingat kehormatan selepas terkorban dalam Perang Vietnam pada 1967 ketika berusia 25 tahun.

Kapal perang berkenaan ditauliahkan pada 9 Mei 1987 dan ditamatkan perkhidmatan pada 23 Januari 2015.

Menurut Markas Tentera Laut, pada 22 Mei lalu, *KD Lekir* juga berjaya melancarkan misil jenis sama pada Eksekais Taming Sari 21/22 di perairan Selat Melaka Utara sebagai persediaan untuk ke RIMPAC Ke-28.

“Saya pasti warga kapal sudah tidak sabar untuk menyertai edisi RIMPAC yang seterusnya,” kata Mohd Reza lagi.

KD Lekir yang memulakan pelayaran dari Tambatan Pangkalan Lumut (TPL) pada 3 Mei lalu dijadual kembali ke tanah air pada 6 September depan selesai menjalani eksekais. Tempoh keseluruhan



pelayaran sepanjang penyertaan eksekais adalah 99 hari di laut.

Sementara itu, Biro Penerangan RIMPAC Combined dalam kenyataan berasingan, memaklumkan penembakan itu dilakukan ke atas sasaran terletak di perairan dengan kedalaman 15,000 kaki, kira-kira 50 batu nautika utara Kauai di Hawaii.

“Unit dari Australia, Kanada, Malaysia dan AS mengambil bahagian dalam SINKEX untuk memperoleh ketepatan dalam taktik, sasaran dan penembakan sasaran di permukaan perairan,” katanya.

Kata kenyataan itu, eksekais berkenaan juga memberi peluang latihan bagi meningkatkan kebolehan merancang, berkomunikasi dan mengendalikan operasi mari-

tim yang sukar seperti ketepatan menembak sasaran jarak jauh.

“Kapal sasaran dalam SINKEX digunakan dengan mematuhi peraturan agensi perlindungan alam sekitar dan selepas dipastikan tiada manusia atau hidupan marin di kawasan sasaran yang boleh terjejas ketika eksekais berkenaan,” kata kenyataan berkenaan.

- Ditauliahkan 15 Ogos 1984
- Panjang 98 meter, lebar 11.5 meter
- Kelajuan 28 batu nautika
- Jumlah kru 132 orang
- Kemudahan platform untuk 1 helikopter

Kejayaan

- **2011:** Berjaya lancar misil EXOCET MM40 dalam Eksekais Taming Sari Siri 16/2011
- **12 Ogos 2021:** Berjaya lancar misil EXOCET MM40 di Laut China Selatan dalam Eksekais Taming Sari Siri 20/21
- **22 Mei 2022:** Berjaya lancar misil EXOCET MM40 ketika Eksekais Taming Sari Siri 21/22 di perairan Selat Melaka Utara
- **12 Julai 22:** Berjaya lancar misil EXOCET MM40 di perairan Hawaii, AS



“SRIMPAC menyediakan platform terbaik untuk meningkatkan interoperability di antara angkatan laut yang mengambil bahagian”

Mohd Reza Mohd Sany,
Panglima Tentera Laut



Penyertaan dalam Eksekais Rim of the Pacific (RIMPAC) 2022 tambah profesionalisme kru *KD Lekir*.